



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8891 5556
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (09)

Tarikh: 5 April 2019

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN KREDIT KOMUNITI

PUTRAJAYA, 5 April 2019 – YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan Kredit Komuniti hari ini di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Kredit Komuniti merupakan nama baharu bagi pemberi pinjam wang (PPW) yang telah dijenamakan semula hasil cetusan idea YB Menteri KPKT sendiri.

Usaha penjenamaan semula ini bukan sahaja melibatkan perubahan dari segi nama PPW namun turut melibatkan perubahan dari segi imej, etika perkhidmatan perniagaan dan juga proses untuk mendapatkan lesen perniagaan sebagai pemberi pinjaman wang berlesen. Penjenamaan semula kepada nama Kredit Komuniti akan memberi satu perspektif positif yang lebih mesra dan dekat dengan masyarakat sekaligus dapat mengikis pandangan dan persepsi buruk orang awam yang sering mengaitkan PPW berlesen ini dengan pelbagai label negatif seperti lintah darat, *loan shark*, terlibat dengan aktiviti kongsi gelap, sindiket gelap dan sebagainya.

Selain itu, papan tanda baharu dengan logo Kredit Komuniti yang dilengkapi dengan QR Code telah dilancarkan dalam majlis yang sama. Papan tanda ini akan diguna pakai oleh semua syarikat PPW baharu yang bakal menerima lesen daripada Kementerian manakala bagi syarikat PPW yang telah beroperasi, mereka diwajibkan untuk mengguna pakai papan tanda tersebut semasa pembaharuan lesen. Penggunaan papan tanda baharu ini akan dilaksanakan secara berperingkat. Penggunaan nama 'Kredit Komuniti' yang menggantikan nama 'Pemberi Pinjam Wang Berlesen' akan diwajibkan kepada semua syarikat PPW yang didaftarkan dibawah KPKT.

